

02/01/2003

Pas diminta usah jaja, politikkan kes `selak kain'

KUALA LUMPUR, Rabu - Pas tidak sepatutnya mempolitikkan kes `selak kain' yang keputusannya dibuat oleh Mahkamah Majistret Alor Setar, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata tindakan parti itu membuat tuduhan kepada pihak lain berasaskan sentimen dalam kes itu tidak wajar dari segi semangat perundangan negara.

"Apa yang harus diingat ialah kes itu digugurkan oleh mahkamah kerana soal teknikal," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Penyelia Pas kawasan Gua Musang Abdul Razak Abas, yang dibebaskan oleh mahkamah daripada tuduhan menyelak kain dan menunjukkan kemaluannya kepada seorang anggota Puteri Umno semasa satu kempen pilihan raya kecil di Kedah Julai lalu, dilaporkan berkata kononnya Umno mengupah anggota Puteri Umno itu untuk membuat tuduhan terhadapnya.

Zainuddin berkata orang ramai harus ingat bahawa dalam menilai keputusan mahkamah itu, Pas juga pernah mempertikaikan banyak keputusan mahkamah yang lebih penting.

"Contohnya dalam perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Pas mempertikaikan kredibiliti hakim dan sistem kehakiman di Malaysia walaupun ia dikemukakan di mahkamah dengan bukti yang kukuh tetapi keadilannya cuba dicemarkan Pas dengan menimbulkan prasangka di kalangan orang ramai," katanya.

Beliau berkata soal sama ada keputusan yang dibuat mahkamah dalam apa jua kes itu adil atau tidak serta benar atau salah, akhirnya akan ditentukan secara muktamad di akhirat.

"Maka dengan itu, soal kewajaran kes selak kain digugurkan, juga tertakluk kepada keputusan akhirat, yang tentunya lebih diketahui dari dunia lagi oleh orang yang dituduh dan dilepaskan," katanya.

Sementara itu apabila diminta mengulas dakwaan Abdul Razak itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika ditemui selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru 2003 anjuran Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), di sini berkata:

"Pada masa datang jika ada kes seumpama itu, perkara pertama adalah mengambil kain sebagai bukti bagi kesalahan terbabit. Kita tahulah sekarang ini apa patut kita buat. Kalau ada kes selak kain, perkara pertama kita buat, kena ambil kain itu.

"Bila kita ambil kain itu, dia kena bogellah, supaya kita boleh jadikan kain itu sebagai bukti yang dia selak kain. Tak tahulah macam mana kain itu nak boleh bukti, kata dia selak lain tapi tentulah ada sebabnya, sebab itu kes itu dibuang kerana kita tak ambil kain orang itu," katanya.

Selasa lalu, Razak dibebaskan daripada tuduhan menyelak kain dan menunjukkan kemaluan oleh Mahkamah Majistret Alor Star kerana pendakwa gagal membuktikan kes prima facie terhadapnya disebabkan tidak mengemukakan kain yang dipakai sebagai barang bukti.